



YB. SOON LIP CHEE

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang
Belia Dan Sukan

**KENYATAAN MEDIA YB SOON LIP CHEE
EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG
PADA 14 JANUARI 2021**

Setelah mengambilkira laporan kes Covid19 yang meningkat dengan mendadak serta pengumuman yang dibuat oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 14 Januari 2021, adalah dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mematuhi arahan daripada pihak MKN untuk menutup semua taman awam di Negeri Pulau Pinang.

Sehubungan dengan itu, taman-taman rekreasi di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai) seperti Taman Bandaraya (Youth Park) dan Taman Metropolitan; Taman Botani di bawah seliaan Jabatan Taman Botani Pulau Pinang; serta Empangan Mengkuang, Empangan Telok Bahang, Empangan Air Itam dan Taman Bukit Dumar di bawah seliaan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang adalah **DITUTUP** mulai 15 Januari 2021.

Sepertimana yang telah ditegaskan dalam SOP oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), hanya aktiviti jogging dalam kumpulan tidak melebihi 2 orang di dalam kawasan kejiranan dan aktiviti berbasikal secara berseorangan tidak melebihi 10 km dari tempat kediaman adalah **DIBENARKAN**.

Sehubungan dengan itu, orang awam adalah diingatkan bahawa aktiviti sukan dan rekreasi selain berjogging dan berbasikal adalah **TIDAK DIBENARKAN** buat masa PKP ini.

Orang awam juga digalakkan untuk bersenam di dalam rumah sebagai rutin harian dengan menyahut cabaran kekal di rumah dalam tempoh PKP. Sehubungan dengan itu, adalah disarankan supaya setiap individu untuk terus mematuhi SOP Aktiviti Sukan dan Rekreasi yang telah ditetapkan bagi mengekang penularan wabak Covid-19.

SOON LIP CHEE

EXCO Belia dan Sukan
Negeri Pulau Pinang